



BULETIN UMCARES

SIRI 2 2019

KANDUNGAN

PERUTUSAN PENGARAH

4

PROGRAM EDU-TOURISM
(UM TROPICAL CAMP)

5

ASIAN STUDENTS ENVIRONMENTAL
PLATFORM (ASEP) 2019

6

UM ACADEMIA-COMMUNITY
ENGAGEMENT CONFERENCE (UMACE)

8

PERTANDINGAN “DIY MADE SIMPLE:
BEST OF WASTE 2019”

9

PROGRAM PROMOSI
KESIHATAN MINDA SIHAT

11

JARINGAN ANTARABANGSA

12

PUBLISITI

14

SIDANG PENGARANG



PENASIHAT

Prof. Madya Dr. Amer Siddiq Amer Nordin



EDITOR

Nor Azlin Mat Radi



PENOLONG EDITOR 1

Muhammad Asyraf Mansor @ Noordin



PENOLONG EDITOR 2

Muhamad Khairul Anuar Senin




PEREKA GRAFIK

Muhammad Hanees Mohd Jamil



JURUFOTO

Siti Khatijah Hamat



PENGUMPUL DATA

Nor Izuana Alias

PERUTUSAN PENGARAH |

PROF. MADYA DR.

AMER SIDDIQ BIN AMER NORDIN



Assalamualaikum & Salam sejahtera,
Warga kampus UM dan para pembaca yang
dihormati.

Berakhir sudah tahun 2019 dan kita akan bergerak ke tahun baru 2020. Tahun 2019 semestinya tahun yang mencabar bagi saya kerana perlu menerajui Pusat Komuniti dan Kelestarian UM atau UMCares, bermula Mac 2019. Pelbagai perancangan dan strategi telah dirangkakan pada awal perkhidmatan saya selaku Pengarah UMCares. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr Zalfa Laili Hamzah (Timbalan Pengarah UMCares) dan Felo Penasihat UMCares iaitu Dr. Leo Bey Fen, Dr Noraini Ahmad dan Dr. Nur Amani @ Natasha Ahmad Tajuddin kerana telah banyak memberi input dan cadangan untuk menambahbaik aktiviti dan program anjuran UMCares.

UM Academia Community Engagement Conference (UMACE) 2019 merupakan antara program yang dilaksanakan dengan jayanya oleh UMCares. Saya perlu berterima kasih kepada Mantan Pengarah UMCares sebelum ini iaitu Prof. Dr. Norzulaani Khalid kerana persidangan ini merupakan idea asal beliau bagi mengetengahkan projek komuniti yang dilaksanakan oleh penyelidik UM.

Berbekalkan konsep sedia ada, persidangan ini dibawa ke aras lain dengan melibatkan lebih ramai pihak luar dari dalam dan luar negara. Saya berasa amat terharu kerana UMACE 2019 menerima maklumbalas positif daripada pelbagai pihak yang terlibat.

Bagi program mega "UM-Nadi Lembah Pantai", beberapa projek telah dikenalpasti dan telahpun bermula. Perbincangan dan pengemaskinian maklumat dilakukan bersama Ahli Parlimen Lembah Pantai iaitu YB Fahmi Fadzil dari masa ke semasa. Program "UM-Nadi Lembah Pantai" merupakan program UM dan UMCares sebagai penggerak bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program. Sehubungan dengan itu, saya menyeru penglibatan warga kampus UM dari semua peringkat untuk terlibat dalam program ini. Ini merupakan peluang kepada UM untuk membantu komuniti terdekat, selaras dengan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu "University for Society" atau U4S.

Sekian, terima kasih.


EDU-TOURISM

(UM TROPICAL CAMP)

UM Tropical Camp merupakan program berkonsepkan “edu-tourism” yang menggunakan alam semulajadi sebagai bilik darjah anjuran UMCares (Pusat Komuniti & Kelestarian) dengan kerjasama Fakulti Sains UM. Program ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Prof. Dr. Mohd Amin Jalaludin, Naib Canselor Universiti Malaya pada 30 Mac 2017.

Sejak penubuhannya, UM Tropical Camp juga telah mendapat penyertaan daripada pelajar-pelajar sekolah di peringkat antarabangsa. Sehingga kini, sebanyak 5 buah negara terlibat di dalam program ini, iaitu Jepun, Filipina, China, Korea dan Indonesia. Katsura High School Japan merupakan antara sekolah yang mengikuti program ini sejak 2017.

Peratusan Peserta Antarabangsa Dan Tempatan



Peserta UM Tropical Camp pada tahun 2019



Bagi memastikan kelangsungan dan kepelbagaiannya modul yang ditawarkan, terdapat 4 modul yang telah diperkenalkan pada tahun 2019 iaitu Gamelan, Biomimicry, Water Candle dan IUCN Card Game.

Jumlah keseluruhan peserta yang menyertai pada tahun 2019 ialah seramai 300 orang. UM Tropical Camp juga menjadi platform pemerkasaan pelajar UM, di mana mereka boleh terlibat sebagai fasilitator program. Pada tahun ini, seramai 47 orang mahasiswa UM dari pelbagai fakulti menjadi fasilitator bagi program ini.

ASEP 2019

ASIAN STUDENTS ENVIRONMENTAL PLATFORM



ASEP2019 merupakan program berkonsepkan alam sekitar yang diadakan setiap tahun sejak 2012 di bawah tajaan Yayasan Alam Sekitar AEON. Pada tahun ini, negara tuan rumah adalah Kemboja dan diadakan di dua daerah iaitu Phnom Penh dan Siem Reap. Universiti Malaya (UMCares sebagai Sekretariat) merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang menerima tajaan penuh dari yayasan berkenaan bagi menyertai program ASEP sejak tahun 2014.

Turut serta adalah para pelajar universiti terkemuka dari sembilan negara Asia lain iaitu Royal University Phnom Penh (Kemboja), Waseda University (Jepun), Korea University (Korea), Tsinghua University (China), Chulalongkorn University (Thailand), Universitas Indonesia (Indonesia), University of the Philippines (Filipina), Vietnam National University (Vietnam) dan Yangon University of Economics (Myanmar). Jumlah keseluruhan para peserta ialah seramai 80 orang mahasiswa, 10 orang pensyarah dan 10 orang pegawai pengiring.

Sebahagian peserta ASEP 2019 bergambar kenangan sewaktu melawati Angkor Wat di Siem Reap, Kemboja



Mahasiswa UM menyantuni kanak-kanak sekolah rendah AEON Mango School




Pada tahun ini, dengan tema “Sustainable Peace Building”, program ASEP yang berlangsung selama enam hari merangkumi aktiviti-aktiviti seperti melawati bangunan bersejarah Angkor Wat, mendalami usaha konservasi seni binaan di Preah Norodom Sihanouk- Angkor Museum dan menyantuni kanak-kanak sekolah rendah di AEON Mango School.

Antara aktiviti yang dilakukan di sekolah berkenaan adalah memperkenalkan permainan tradisional Malaysia seperti “Tuju Guli”, “Musang dan Anak Ayam”, “Batu, Burung, Kertas” serta lagu rakyat “Rasa Sayang”. Mahasiswa juga berpeluang mendengar taklimat dan ceramah berkaitan dengan tema program. Peserta juga berpeluang menanam anak pokok meranti dan keruing di kawasan sekitar tapak perlindungan UNESCO di Kemboja, sebagai usaha pemuliharaan alam sekitar.



UMACE

UM ACADEMIA-COMMUNITY ENGAGEMENT
CONFERENCE



UMACE 2019 merupakan persidangan jalinan masyarakat peringkat antarabangsa kali pertama anjuran Universiti Malaya melalui UMCAres.

Pada tahun-tahun sebelum ini, UMCAres pernah mengadakan persidangan jalinan masyarakat (PAKUM), namun hanya terbuka kepada penyelidik Universiti Malaya sahaja. Pada tahun ini, penyertaan terbuka kepada semua penyelidik dari luar dan dalam negara.

UMACE 2019 telah diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober 2019 di Connexion Conference & Event Center, The Vertical Bangsar South, Kerinchi. Objektif utama persidangan ini dijalankan adalah untuk memberi ruang dan peluang kepada penyelidik-penyeleidik dalam dan luar negara untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan berkongsi amalan-amalan baik berkenaan projek komuniti yang mereka jalankan. Persidangan ini juga memberi peluang kepada penyelidik untuk berkolaborasi dengan industri-industri tempatan dan juga luar negara. Tema “Impacting Communities through Research Partnerships” menunjukkan bahawa kerjasama antara Universiti, industri, dan juga NGO dapat menghasilkan projek komuniti yang berimpak tinggi dan juga berkualiti.

UMACE 2019 telah mengumpulkan 170 peserta yang terdiri dari penyelidik (UM, universiti luar (dalam dan luar negara), wakil kementerian, industri, NGO dan pelajar. Antara pengisian persidangan adalah ucaptama dari Prof Chris Bullen (University of Auckland) bertajuk “Impacting Communities through Research Collaboration”. YBhg. Dato’ Kamel Mohamad (Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Strategik) turut hadir dan menyampaikan sesi plenari berkenaan peranan universiti dalam jalinan masyarakat. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, peserta berpuas hati dengan pengisian dan format UMACE 2019.



PERTANDINGAN

“DIY MADE SIMPLE: BEST OF WASTE 2019”


Tahun 2019 merupakan tahun ketiga pengajianan Pertandingan “DIY Made Simple: Best of Waste 2019” oleh UMCares dengan kerjasama Fakulti Alam Bina UM dan mendapat tajaan daripada Mr. DIY Sdn. Bhd. Ia merupakan pertandingan rekacipta untuk menambahbaik prasarana atau ruang sekolah dengan menggunakan bahan buangan dan kitar semula secara “do-it-yourself” (DIY). Pertandingan ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah seluruh Malaysia dan mendapat sokongan dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dengan tema “Best of Waste” untuk tahun ini, para pelajar mengemukakan pembentangan idea menggunakan medium videografik dan seterusnya membina produk dan infrastruktur menggunakan bahan buangan atau terpakai dan boleh guna semula. Pelajar mendapat bimbingan dan tunjuk ajar secara langsung oleh pensyarah dari Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya. Peralatan dan kelengkapan bagi pembinaan produk ditaja oleh Mr D.I.Y Sdn. Bhd.

Ternyata program berbentuk “experiential learning” ini menerima sambutan yang menggalakkan daripada sekolah-sekolah di Malaysia apabila sebanyak 33 buah sekolah menyertai pertandingan ini. Namun, hanya 10 sekolah sahaja yang dipilih untuk ke mara ke fasa selanjutnya, iaitu pembinaan produk atau infrastruktur. Selain daripada menggalakkan pemikiran kreatif dan inovatif, program ini juga mempertingkatkan kemahiran insaniah (soft-skills) seperti kemahiran berkomunikasi, bekerja dalam kumpulan dan kepimpinan para peserta.

Menariknya, pertandingan ini memberi ruang dan peluang kepada pelajar dari semua peringkat pencapaian-lemah, sederhana dan cemerlang untuk bekerjasama dalam satu kumpulan. Program ini juga membuktikan kerjasama empat hala di antara universiti, kerajaan, industri dan komuniti mampu dilaksanakan dengan jayanya atas komitmen semua pihak yang terlibat. Pada 21 Oktober 2019, memorandum perjanjian (MoA) di antara Mr D.I.Y Sdn. Bhd dan UM telah diadakan bagi meneruskan pertandingan “DIY Made Simple” selama 3 tahun lagi.

PERATUSAN PENYERTAAN MENGIKUT NEGERI



■ Selangor ■ Pulau Pinang ■ Terengganu ■ Negeri Sembilan ■ Melaka ■ Perlis ■ Kuala Lumpur

SENARAI PEMENANG

Kategori	Sekolah	Jumlah Wang Tunai
Tempat Pertama	Sekolah Menengah Sains Rembau	RM 4,500
Tempat Kedua	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidiah	RM 3,500
Tempat Ketiga	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nurul Ittifaq	RM 2,500
Tempat Keempat	Sekolah Agama Menengah Bestari	RM 500
Video yang mendapat "like" terbanyak di YouTube – Fasa 1	SMK Jalan Kebun	RM 500
Saguhati	Sekolah Menengah Setia Budi	RM 200
	Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Kebun	RM 200
	Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24(2) Shah Alam	RM 200
	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tanjong	RM 200
	Sekolah Menengah Kebangsaan Alma	RM 200
	Sekolah Menengah Kebangsaan Hj. Ahmad Badawi	RM 200



PROMOSI KESIHATAN MINDA SIHAT

Program Promosi Kesihatan Minda Sihat merupakan program baru yang dilaksanakan oleh UMCares bermula Oktober 2019. Program ini diinspirasikan dari Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), di mana ia bertujuan untuk mempromosi dan mewujudkan kesedaran berkenaan kesihatan mental di kalangan belia. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah pelajar sekolah berumur 13 tahun ke atas.

Sepanjang 2 bulan pelaksanaan program Minda Sihat, sebanyak 5 buah sekolah melibatkan seramai hampir 100 orang pelajar sekolah menengah telah menyertai program ini. Melalui program ini, peserta mendapat pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesihatan mental. Mereka diberi pengetahuan tentang bagaimana untuk menjaga keperibadian, membina harga diri, berkeyakinan semasa berurusan dengan orang di sekeliling, dan berfikir secara positif. Program ini juga menjadi platform kepada pelajar UM untuk terlibat sebagai sukarelawan.



JARINGAN ANTARABANGSA

UMCares Menyantuni Masyarakat Surabaya (WUACD)

Pada 28 November hingga 1 Disember 2019, UMCares telah menghadiri mesyuarat sidang kemuncak jaringan komuniti peringkat antarabangsa iaitu World University Association of Community Development atau WUACD Summit 2019 anjuran Universitas Airlangga di Surabaya, Indonesia. Selain mesyuarat, wakil UMCares telah berpeluang untuk menjalankan projek komuniti bersama masyarakat di Surabaya. Antara aktiviti yang dijalankan adalah taklimat berkenaan pembangunan diri, personaliti dan kesihatan mental kepada murid sekolah menengah di daerah Sidoarjo.



Sesi perkongsian berkenaan personality dan pembangunan diri

Para peserta juga dibawa ke kawasan pedalaman di pergunungan Bromo untuk mendekati masyarakat di situ di samping menyampaikan taklimat ringkas berkenaan penjagaan diri dan keluarga. Selain UM, turut menyertai WUACD Summit 2019 adalah 23 peserta dari 14 universiti negara lain, iaitu Thailand, Filipina, Bangladesh, Australia, Turki, Amerika, China, dan Kemboja. Program selama empat hari padat dengan aktiviti kemasyarakatan dan diselitkan dengan lawatan ke Gunung Berapi Bromo.



Gambar berkumpulan bersama guru sekolah di Sidoarjo



Gambar berkumpulan bersama komuniti Probolinggo



PM Dr Amer memberi pendedahan berkenaan kesihatan mental

Penyertaan RCE Antarabangsa dalam Pertandingan DIY Made Simple 2019

Pada tahun ini, pertandingan DIY Made Simple 2019 telah menerima penyertaan dari salah sebuah jaringan antarabangsa iaitu Regional Centres of Expertise (RCEs) Greater Dhaka. Mereka telah menghantar video inisiatif guna semula yang dilaksanakan di sekolah-sekolah bertajuk "Waste to Resource for Sustainable Education".

Penyertaan dari RCEs Greater Dhaka memberi peluang kepada UMCares untuk mengetahui inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak luar bagi menggerakkan konsep pendidikan untuk pembangunan lestari (ESD). Maklumbalas positif ini juga membuktikan pertandingan ini berpotensi untuk dikenangkan ke peringkat antarabangsa dengan konsep atau pendekatan tertentu.



#IUBAT #WasteToResource #Recycling
Waste to Resource| short film| Bow 2019|IUBAT University
62 views • Sep 27, 2019

1 like 2 dislike 0 SHARE SAVE ...

PUBLISITI

7 Januari

Utusan Malaysia

28 MEGA SAINS

Mulakan hidup baharu dengan pertanian bandar

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program kerjasama dengan Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun untuk menggalakkan aktiviti pertanian bandar di kawasan perumahan dan komuniti.

Program ini bertujuan memberi wacana dan peluang kepada rakyat Sabah untuk berkecambang dalam aktiviti pertanian bandar yang selamat dan berkelanjutan.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberi pemahaman tentang manfaat pertanian bandar dan bagaimana ia boleh dilakukan dalam lingkungan sekitar tanpa menyebabkan pengaruh negatif terhadap alam sekitar.

Program ini juga akan memberi peluang kepada peserta untuk mendekati teknologi dan praktik pertanian yang canggih dan efektif.

Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun merupakan ahli dari Pusat Komuniti dan Keselestialan Universiti Malaysia (UMCares), yang menganjurkan program antarabangsa tahunan 'Asian Students'.

8 RENCANA New Sabah Times

Projek Tuninipot Literasi-Kreatif Jalinan UM bersama komuniti Sabah

Ong Aul
FIRAGULAH berkongsikan usaha pertama mereka dalam membangunkan Projek Tuninipot Literasi-Kreatif Jalinan UM bersama komuniti Sabah. Projek ini merupakan hasil kerjasama antara Projek Tuninipot Literasi-Kreatif Jalinan UM bersama komuniti Sabah dan Universiti Malaysia Sabah (UM).



27 Januari

New Sabah

11:12 93%

KAMPUS UOLS
Sejagadnya Berlairan

> AKTIVITI KAMPUS > Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

Mahasiswa 9 negara bersihkan pantai Pulau Carey

NAHRIZUL ADIB KADRI, UM 17 January 2019

17 Januari
Utusan Malaysia

Yayasan Alam Sekitar AEON Jepun, dengan kerjasama Pusat Komuniti dan Keselestialan Universiti Malaysia (UMCares), telah menganjurkan program antarabangsa tahunan 'Asian Students'

28 Januari

Berita Harian

Ekoterapi murid berkeperluan khas

Kuala Lumpur. Bagi memberi pendekatan mudah dan nyaman pemuliharan dan keselarasan alam semula jadi, Pusat Komuniti dan Keselestialan Universiti Malaysia (UMCares) menganjurkan program ekoterapi untuk murid berkeperluan khas dari empat sekolah di Selangor.

Berempat di Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaysia (UM), program itu mencakupi tiga sekolah iaitu Sekolah SK Sultan Alam Shah 2, Sekolah Jenis Kebangsaan SJK (C) Chung Hwa Damansara, Sekolah SK Medan dan SK Damansara lama.

Tujuan aktiviti ini ialah memberi pengalaman langsung dengan alam semula jadi bagi memfasilitasi perkembangan emosi dan psikososial murid berkeperluan khas melalui aktiviti-aktiviti yang menarik dan menggalakkan.

Perpaduan antara teknologi dan teknik tradisional dalam pelajaran

budaya buatan One With Nature itu bertujuan memberi pendekatan hampir kepada ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas mengenai ekoterapi.

Bantuan perkenanangan

Katanya, ibu bapa yang hadir boleh berikan maklumat dan saran kepada boleh memahami peranan untuk meningkatkan perkembangan anak-anak berkeperluan khas yang mengalami masalah emosi, tingkah laku, kewaspadaan, kemahiran psikomotor dan sosial.

Rancangan

"Semua aktiviti ini direka khas untuk membantu membangun kemahiran pukimotor murid berkeperluan khas, manakala semua pergerakan dan aktiviti lain tujuannya untuk dipelajari dan dilaksanakan di rumah agar ibu bapa mempunyai anak berkeperluan khas kurang perlu dahan mengalami kemahiran asas seperti membaca dan menulis yang boleh dilakukan bersama-sama dengan ibu bapa.

Wawasan

"Beberapa aktiviti merangkumi aktiviti seni dan teknologi yang boleh dilakukan bersama-sama sepanjang tempoh pelajaran dan percutian.

Pensyarah Kanan Institut Kependidikan, Fakulti Pengurusan dan Peringkat Pengajian Tinggi, Dr. Bonnie Adams,

Persyarikatan Kuanan Pusat Pengurusan Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya Dr Aznan Che Ahmad, berkata berinteraksi dengan kajian dan pengetahuan, ramai ibu bapa mempunyai anak berkeperluan khas yang dilakukan bersama-sama dengan ibu bapa.

"Banyak ibu bapa yang mengelakkan menghadiri program seperti ini kerana merasa tidak selesa dan tidak yakin apakah teknik rawatan atau pemuliharan membahikkan persekutuan am seluruh jadi.

Pengetahuan

Sementara itu, sebahagian besar ibu bapa mengatakan sebahagian besar mereka merasa rasa takut dan takut akan menghadiri program ini kerana takut akan berinteraksi dengan ibu bapa yang hadir.

Adrian Yap, berkata pihaknya antara mereka yang hadir di program ini dalam suasana yang diharapkan dapat memahami kemahiran berkenaan berkenaan dengan ibu bapa.

Katanya, ibu bapa mampu membantu anak-anak menjalani rawatan dan percutian dengan baik tanpa rang lelah menarik dan berlatar belakangkan alam sekitar.

Pada program itu, sebahagian besar ibu bapa yang hadir bukan sahaja rasa takut tetapi juga takut akan menghadiri program ini kerana takut akan berinteraksi dengan ibu bapa yang hadir.



GENK
EKSPRESI GENERASI KOSMO!


Impak Binaan Kacang Jeli

Program Jel's do Ahad'een! Latihan ini untuk membangun minat murid sekolah rendah masa depan mereka sedar tentang pentingnya.

4 Februari
Kosmo Online

Cara tarik minat murid dalam ilmu STEM

04 Februari 2019 3:00 AM



PUBLISITI

17 September

Utusan Malaysia

Sibat

Malaysia mewujudkan teknologi dan sains yang canggih melalui kerjasama antara akademik dan industri. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan minat pelajar terhadap sains dan teknologi.

Practical Guidebook for Children

Practical Guidebook for Children adalah buku panduan praktikal yang menunjukkan kepada kanak-kanak bagaimana mereka boleh mencipta sesuatu dengan menggunakan bahan-bahan sederhana yang mudah didapat.

Sehingga Kini

Sehingga Kini adalah program pengajian yang memberi peluang kepada kanak-kanak untuk mendapat pengetahuan tentang sejarah dan budaya negara.

Pengetahuan dan Kemahiran

Pengetahuan dan Kemahiran (PK) merupakan program pengajian yang membantu kanak-kanak mendapat pengetahuan dan kemahiran yang penting dalam hidup mereka.

MR.D.I.Y.

MR.D.I.Y. adalah program yang membantu kanak-kanak untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran teknologi dan sains.

MR.D.I.Y.

MR.D.I.Y. adalah program yang membantu kanak-kanak untuk mendapat pengetahuan dan kemahiran teknologi dan sains.

28 Oktober

Harian Metro

AKADEMIA ASAH KEMAHIRAN DIY

Merentas pelbagai bidang pengetahuan dan kemahiran, MR.D.I.Y. menyediakan pelbagai aktiviti dan perlumbaan yang menarik dan mengasikkan.



Malaysia perlu terus berusaha untuk meningkatkan minat dan taruhan pada projek sains dan teknologi. Dengan kerjasama antara akademik dan industri, kita boleh mencapai hasil yang baik.

ZAIN SHARI

28 November

Berita Harian

Jelajah Siswa

VARSITI



Menghayati sejarah bumi Angkor

4 November

The Sun



Students win big in MR.D.I.Y. contest

Recycled material was used to create household items.

A group of students from Sekolah Menengah Sultan Iskandar (SMSI) won the "DIY Medil Storage 2019" competition, which was part of their "New Stand" project.

Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) Community & Sustainability Group (M) Sdn Bhd, the year-long competition, held its award ceremony last Friday at UTP, with participants from 12 schools.

The fourth prize of RM1,000 in cash went to the team from Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Jemaah.

Other winners included Sekolah Menengah Melayu Kangar (SMK Kangar), Sekolah Menengah Alauddin (SMA), and Sekolah Menengah Sultan Idris Shah (SMSI).

Mr Zain Shari, executive director of Agensi (MEA), said the competition was held to encourage students to reuse recycled materials to create useful items.

Waka Isteri Permaisuri

Waka Isteri Permaisuri, Datin Paduka Raja Permaisuri Agong (RPA), Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Saleha dan Sultanah Azizah bersama-sama menyempurnakan majlis.

Nur Fitrah

Nur Fitrah merupakan pelajar dari Fakulti Bahasa dan Linguistik UTM. Nur Fitrah adalah salah seorang peserta ASEAP 2019.

“Terpacu kegembaran pada hari ini, dan dengan senang hati pelakar antarabangsa dengan anjuran Yayasan Alam Sekitar (AEGON) dengan kerjasama Universiti DiRaja Brunei Darussalam (UBD) dan Kembang di distrik lemah (DPL) pada hari ini,” katanya.

“Selain itu, ikut serta dalam pelajaran bahasa Inggeris dan membuat maklumat tentang teknologi dan sains, khasnya sekali untuk bermanfaat bersama-sama dengan seluruh dunia,” katanya.

Kewasian ini pernah dinafaka

“Sekiranya masih ada rakan-rakan yang belum tahu tentang ASEAP 2019, saya akan cuba menerangkan tentang ASEAP 2019.

Sekolah Menengah Edarongan, Sekolah Menengah Melayu Sungai Tawang, Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Sultan Idris Shah, Sekolah Menengah Sultan Iskandar dan Sekolah Menengah Sultan Abdul Razak (SMSI) juga mendapat hadiah pertama RM2,000 cash dan sebagainya.

MEA sentiasa berusaha untuk membangun dan meningkatkan minat dan taruhan pada projek sains dan teknologi.

“We explained the more on how the competition was organized and the consideration of the underlying criteria and the importance of the competition.

Currently, the state government

the Sun
ON MONDAY NOVEMBER 4, 2019 *

